

PM kena kuarantin 14 hari



Saya akan terus bekerja dari rumah dan menggunakan sidang video bagi mesyuarat yang perlu saya pengerusikan.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

Hishammuddin bebas jangkitan, kembali bertugas di Wisma Putra hari ini

Oleh Rohaniza Idris,
Mohd Iskandar Ibrahim
dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin, menjalani kuarantin sendiri di kediamannya selama 14 hari selepas seorang menteri Kabinet disahkan positif COVID-19.

Ini berikutan Perdana Menteri mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Sabtu lalu.

Zulkifli disahkan positif COVID-19 semalam, dan sedang menerima rawatan di sebuah hospital di Seremban.

Bagaimanapun, Muhyiddin ber-

kata, perkara itu tidak akan mengganggu urusan kerajaan.

"Saya akan terus bekerja dari rumah dan menggunakan sidang video bagi mesyuarat yang perlu saya pengerusikan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) juga menjalankan ujian saringan pengesanan COVID-19 ke atas semua ahli dan urusetia mesyuarat terbabit.

Katanya, berdasarkan penilaian risiko dilakukan KKM, mereka yang dikenal pasti kontak rapat dalam mesyuarat itu diberikan surat perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) selama 14 hari bermula Sabtu lalu dan dipakaikan gelang pengawasan.

"Ahli mesyuarat yang bukan kontak rapat pula dinasihatkan menjalani kuarantin sendiri selama 14 hari bermula tarikh sama sehingga 16 Oktober ini dan memantau status kesihatan sendiri menerusi aplikasi MySejahtera," katanya.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, beliau menjalani kuarantin sendiri di kediamannya selama 14 hari mengikut nasihat diberikan KKM.

"Sebagai langkah berjaga-jaga, saya juga melakukan ujian saringan pengesanan COVID-19 setiap dua minggu sejak April lalu dan semua ujian berkenaan disahkan negatif.

"Selain itu, saya melakukan tiga ujian pengesanan COVID-19 dalam tempoh tiga minggu lalu, iaitu pada 22, 26 dan 29 September lalu dan juga didapati negatif," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, diberi pelepasan daripada menjalani kuarantin bermula semalam apabila disahkan negatif COVID-19 selepas menjalani tiga ujian saringan.

Hishammuddin diarahkan menjalani kuarantin di rumah sejak 22 September lalu kerana menjadi kontak rapat kepada calon Barisan Nasional (BN) untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pitas pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah, Sufian Abdul Karim, yang disahkan positif COVID-19 pada 21 September lalu.

Sehubungan pelepasan itu, Hishammuddin berkata, beliau akan kembali menjalankan tugas di pejabatnya di Wisma Putra, hari ini.